

6 FEB 1996

Agong - Perutusan

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral New Zealand Dame Catherine Tizard sempena Hari Waitangi negara itu.

Dalam perutusan, Seri Paduka Baginda berdua yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama rapat antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Jim Bolger.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar pula mengirim perutusan kepada Menteri Luar New Zealand Don McKinnon.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Bolger dan mengadakan perbincangan yang membina dengan beliau semasa melawat New Zealand bulan depan. -- BERNAMA